UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BULETIN
PEJABAT PENDAFTAR

Edisi Ke-28/Okt 2020
ISSN 1996/2924

TERAS

pendaftar.utem.edu.my/buletin-myteras.html



terus komited memberi khidmat terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan.....

....tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pelanggan

Program
Head Hunting Bagi Pelantikan Staf Akademik Bukan Warganegara

Pelaksanaan
Peperiksaan Akhir Dalam Talian Norma Baharu Pasca Covid19

Inisiatif Mengawal Penularan Covid-19 di UTeM

Bakat Berasaskan Kompetensi di UTeM

TAHUKAH ANDA?
– Cuti Kuarantin

Kandungan

Bakat Berasaskan Kompetensi di UTeM
05

Inisiatif Mengawal Penularan Covid-19 di UTeM
13

Berpantang dan PKP
26

07
Tahukan Anda?
-Cuti Kuarantin

16
Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Dalam Talian

Lima Perkara Yang Boleh Menjadi Sebab Diangkatnya Musibah
28

Peruntukan Sebanyak RM25,200 daripada AKEPT
08

Program *Head Hunting* Bagi Pelantikan Staf Akademik Bukan Warganegara
18

31
Corona Virus
Permulaan Norma Baharu

09
Taklimat MyPortfolio dan Job Description

19
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

Kursus Unit Latihan
33

11
Executive Talk Bersama Presiden Akademik Sains Malaysia

21
Kejayaan PhD di Sendai Japun

Sidang Redaksi

PENAUNG
Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR
Siti Norani binti Dolah

EDITOR
Zulaikha binti Md Radzai

SIDANG REDAKSI
Murni binti Abu
Nurayuni binti Mahabib
Anuarrudin bin Md Soom
Sharifah Intan binti Osman
Mohd Suhairi bin Mohd Saad
Laila Zahidah binti A. Rahman

JURUGAMBAR
Md Nor bin Mohamad Saleh
Mohd Farid bin Supangi
Asri bin Abu

PEMBACA PRUF
Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli

PENULIS
Murni binti Abu
Azrina binti Alwi
Khusairi bin Ramli
Hazrin binti Kasim
Norashikin binti Jahari
Sahhizam bin Maamin
Noor Izwanni binti Amil
Zulaikha binti Md Radzai
Nooraziana binti Dahalan
Mohamad Aszeri bin Ramli
Dr. Khairul Fadzli bin Samat
Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz

REKA BENTUK
Ratnasaerah binti Azis

Sekapur Sireh

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan IzinNya Buletin Teras edisi yang pertama tahun 2020 berjaya diterbitkan dan menjadi bahan santapan ilmu buat warga UTeM khususnya dan tatapan umum amnya.

Seperti yang kita semua sedia maklum, dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19 dan YAB Perdana Menteri melalui perutusan khas telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 29 April 2020 sehingga 9 Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 dan dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2020. Sehubungan itu, ia telah memberi impak kepada warga Universiti dan telah menjadikan pelaksanaan aktiviti, program dan urusan terhad untuk seketika waktu.

Walau bagaimanapun saya menzahirkan rasa bangga di atas inisiatif yang dapat dilangsungkan oleh jawatankuasa ini yang berjaya menerbitkan Buletin Teras Pejabat Pendaftar. Usaha ini tidak dapat dijayakan tanpa kerjasama dan rasa ingin meningkatkan imej Pejabat Pendaftar oleh mereka yang terlibat. Maklumat-maklumat yang dipaparkan di dalam buletin ini diharapkan dapat memberi informasi bagi meningkatkan lagi kefahaman kepada yang membacanya.



Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi tahniah kepada semua warga kerja Pejabat Pendaftar atas kegigihan dan komitmen yang cemerlang. Diharapkan usaha sebegini dapat diteruskan di masa-masa yang akan datang. Pejabat Pendaftar perlu menjadi gerbang maklumat kepada semua pihak yang ingin mengetahui tentang UTeM dan berurusan dengan UTeM.

Sekian, terima kasih.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Editorial

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi dengan rahmat dan limpah kurniaNya Buletin TERAS edisi ke-28/Okt 2020 kembali lagi setelah lama tidak bersiaran. Tahniah diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Teras atas kejayaan menerbitkan Buletin Teras pada tahun 2020.

Adalah menjadi kewajipan saya untuk menerbitkan Buletin TERAS ini kerana ianya merupakan wadah penyampai maklumat kepada semua warga Universiti, khususnya tentang pelaksanaan program/aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM.

Pada kali ini isu yang dibawa adalah berkaitan dengan Bakat Berasakan Kompetensi di UTeM, Cuti Kuarantin kejayaan mendapat geran daripada AKEPT, MyPortfolio dan Job Description, 'Executive Talk' bersama Y.Bhg Profesor Datuk Asma Ismail, FASc iaitu Presiden, Akademik Sains Malaysia, Pelan Strtegik 2020, Pelaksanaan Peperiksaan Akhir bagi Semester II Sesi 2019/2020 secara dalam talian, Program 'Head Hunting' bagi Pelantikan Staf Akademik Bukan Warganegara, Berkenalan dengan Staf Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi, Kejayaan PhD di Sendai Jepun oleh Dr. Khairul Fadzli Samat, Pengalaman Berpantang Semasa PKP, Lima Perkara yang Boleh Menjadi Sebab Diangkatnya Musibah, Corona Virus Permulaan Norma Baharu dan Kursus -Kursus Yang Telah Dilaksanakan Oleh Unit Latihan , BPB.




Diharapkan dengan terbitnya Buletin TERAS pada tahun 2020 ini, menjadi pengubat rindu kepada semua warga Universiti.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pentadbiran di UTeM.

Siti Norani binti Dolah

Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

BAKAT BERASASKAN KOMPETENSI DI UTeM





Rajah 1: 6 Tema Pelan Strategik Universiti 2012-2020

Kompetensi dilihat sebagai satu perkara yang penting di mana ia dapat dilihat melalui moto UTeM "**Kompetensi Teras Kegemilangan**" sejak penubuhan UTeM. Kompetensi juga disebut dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020 (Rajah 1) yang menetapkan Pengurusan Bakat sebagai salah satu tema untuk menginstitusikan ekosistem yang menarik bakat-bakat yang kreatif dan inovatif.

Pejabat Pendaftar telah menyambut tema berkenaan dan pelan tindakan telah dirangka di Teras 2 Pelan Strategik Sumber Manusia 2015-2025 iaitu memperkasa kompetensi bakat yang kreatif dan inovatif (Rajah 2).

> "kompetensi berkenaan dalam pertimbangan kenaikan pangkat untuk memastikan staf telah bersedia untuk berada di gred kenaikan pangkat dan dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan."




Rajah 2: Pelan Strategik Sumber Manusia 2015-2025

Di antara inisiatif strategik untuk mencapai hala tuju berkenaan ialah menyediakan profiling setiap staf pentadbiran. Penilaian kompetensi bagi staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dilaksanakan melalui Pelan Pembangunan Individu (IDP) dan telah dilaksanakan bagi gred 41 dan 44. Kompetensi berkenaan dirujuk oleh Jawatankuasa Pemilih dalam pertimbangan kenaikan pangkat untuk memastikan staf telah bersedia untuk berada di gred kenaikan pangkat dan dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.

Program Penilaian Pelan Pembangunan Individu (PPI) atau Individual Development Plan (IDP) bagi staf Kumpulan Pelaksana dan telah diluluskan oleh PPSM Bil. 2 Tahun 2019. Elemen di dalam penilaian kompetensi akan digunakan sebagai kriteria kenaikan pangkat Kumpulan Pelaksana mulai tahun 2020.

Kriteria kecemerlangan ini merangkumi 70% teras utama, 20% keutuhan peribadi serta 10% sumbangan kepada universiti dan masyarakat seperti di Rajah 3 berikut:



Rajah 3: Komposisi kriteria kecemerlangan staf Kumpulan Pelaksana


Usaha-usaha menerapkan kompetensi sebagai kayu pengukur standard bakat dijangka dapat menghasilkan staf berprestasi tinggi di UTeM.



Disediakan oleh:
Noor Izwanni binti Amil
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia



TAHUKAH ANDA?



CUTI KUARANTIN

Selain dari kemudahan Cuti Kuarantin yang diberi kepada staf sekiranya anak staf dijangkiti penyakit berjangkit (berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016 : Kemudahan Cuti Kuarantin) ada satu lagi kemudahan **Cuti Kuarantin bergaji penuh** yang boleh diberi kepada staf. Kemudahan ini seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti).

TUJUAN

UNTUK ELAK WABAK DARI TERUS MEREBAK

SITUASI YANG DIBENARKAN JIKA:

staf yang dalam perjalanan balik ke Malaysia dari luar negara dan ditahan di mana-mana stesen kuarantin oleh pihak berkuasa kesihatan pelabuhan atau lapangan terbang kerana mendiami sesebuah negara atau melalui sesebuah pelabuhan atau lapangan terbang yang ada berlakunya wabak penyakit merebak;


ATAU

staf diarahkan kuarantin di rumahnya oleh mana-mana kuasa kesihatan kerana berlakunya wabak penyakit merebak.



Disediakan oleh:
Murni binti Abu
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

CARTA ALIR PERMOHONAN CUTI KUARANTIN



PERUNTUKAN SEBANYAK RM25,200.00 DARIPADA AKEPT

BAGI PENGUKUHAN PELAN PENGGANTIAN UTeM

> "program ini merupakan salah satu usaha AKEPT dalam memperkasakan dan menginstitusikan satu ekosistem pengurusan bakat kepimpinan yang holistik dan berstruktur"

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) melalui Pusat Pemprofilan Kepimpinan (CeLP) telah mempelawa semua Universiti Awam (UA) untuk menyertai program *Capacity Building in Leadership (CapaBLe)*. Program CapaBLe ini merupakan satu inisiatif baharu AKEPT yang memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti pengurus bakat di UA. Program ini merupakan salah satu usaha AKEPT dalam memperkasakan dan menginstitusikan satu ekosistem pengurusan bakat kepimpinan yang holistik dan berstruktur.

Tujuan AKEPT melaksanakan inisiatif projek bidaan ini kepada semua pengurus bakat UA adalah untuk menggalakkan peranan dan kebersamaan antara agensi, institusi dan para pemegang taruh agar dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan berimpak tinggi dalam **menjayakan aspirasi Pembangunan Bakat Berdasarkan Kompetensi (CBTM).** Skop projek bidaan tertumpu kepada dua tema besar AKEPT iaitu **Pengurusan dan Pembangunan Bakat.**

Bagi tujuan penyertaan, Pejabat Pendaftar UTeM melalui Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) telah pun menghantar **Kertas Kerja Cadangan Penyediaan Set Penilaian Dan Program Pembangunan Bakat Pelan Penggantian Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** yang bertujuan untuk mengukuhkan model kepimpinan dan program pembangunan kepimpinan di UTeM.

Jawatankuasa di peringkat AKEPT telah bersidang bagi meneliti dan menilai kertas kerja yang diterima dan setelah pertimbangan dilakukan dimaklumkan bahawa penyertaan UTeM telah berjaya dengan penyaluran peruntukan daripada AKEPT sebanyak RM25,200.00 bagi menyiapkan projek tersebut dalam tempoh mulai 1 Julai 2020 sehingga 28 Februari 2021 (8 Bulan).

Projek ini akan diketuai oleh **Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukor** selaku Ketua Projek di bawah seliaan **Encik Mohd Azmi bin Mat Said** selaku Pengurus Bakat UTeM.

Pejabat Pendaftar menjangkakan dua (2) hasil utama merujuk kepada bengkel yang akan diadakan seperti berikut:

01 Set Penilaian Kompetensi (Kaedah (instrumen) dan Dokumen); dan

02 Modul Program Pembangunan Berdasarkan Kompetensi

Selain itu, Pejabat ini juga menjangkakan impak berikut daripada dua hasil utama di atas:

01 Pelan Penggantian ini perlu dibangun dan dilaksanakan bagi memastikan **kelangsungan pemimpin di Universiti ini;**

02 Selain itu, inisiatif ini dapat **meningkatkan ketelusan pemilihan** kerana pemilihan dibuat secara kolektif bagi memastikan pegawai yang berkelayakan mengisi jawatan strategik yang telah ditentukan di Universiti ini; dan

03 Melalui inisiatif ini juga, barisan individu (Kelompok Bakat) yang berpotensi tinggi dapat **dikenal pasti dan dibangunkan** mengikut keperluan latihan yang sesuai dengan individu



Disediakan oleh:
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pembangunan Bakat

TAKLIMAT MYPORTFOLIO DAN *JOB DESCRIPTION*



Beberapa siri taklimat penyediaan myPortfolio dan *Job Description* (JD) peringkat dalaman universiti telah diadakan bagi memenuhi tujuan Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 21 Tahun 2019 berkaitan Pelakasanaan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 – Panduan Kerja Sektor Awam (myPortfolio) Bagi Menggantikan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, modul eMPK/eFM/myPortfolio telah ditambah baik di dalam portal SMSM.

Pada 22 Januari 2020 Pejabat Pendaftar telah menghantar 3 orang wakil bagi menghadiri Mesyuarat Kerja Penyediaan JD Bagi Jawatan Di Universiti Awam Dan Hospital Pengajar bertempat di Dewan Jamuan, Kementerian Pendidikan Melaysia. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk memberi taklimat berkenaan penyediaan JD kepada wakil-wakil institusi dan menjadi platform bagi sesi soal jawab berkenaan JD. Berdasarkan pemerhatian semasa mesyuarat tersebut, kebanyakan universti awam lain menerima pakai pelaksanaan myPortfolio di institusi masing-masing seperti UTeM.

> **“berdasarkan pemerhatian kebanyakan universti awam lain menerima pakai pelaksanaan myPortfolio di institusi masing-masing seperti UTeM”**

Sejurus mesyuarat tersebut, penyelaras myPortfolio UTeM telah mengadakan taklimat pada 29 Januari 2020 bertempat di Bilik Jamuan Auditorium, Canselori bagi berkongsi maklumat dan perincian terhadap penyediaan myPortfolio. Kesemua 28 orang penyelaras myPortfolio Pusat Tanggungjawab (PTj) UTeM telah dijemput bagi menghadiri sesi tersebut. Semasa taklimat tersebut penyelaras PTj telah diterangkan berkenaan kaedah penyediaan dan garis masa pelaksanaan JD dan myPortofolio di UTeM.

Rentetan daripada taklimat yang diadakan bersama penyelaras PTj, beberapa siri taklimat di peringkat PTj telah diadakan seperti jadual di bawah:

	PTj	TARIKH
1	PPSKR	4-Feb-2020
2	PLH	6-Feb-2020
3	FTMK	12-Feb-2020
4	Pej. Pembangunan	13-Feb-2020
5	Pej. Bendahari	20-Feb-2020
6	IPTK	26-Feb-2020
7	PPS	26-Feb-2020
8	FTKMP	27-Feb-2020
9	FKP	5-Mac-2020
10	CRIM	6-Mac-2020
11	FKM	13-Mac-2020
12	PPPK	3 Julai 2020
13	Pej. Pengurusan Pembangunan	17 Julai 2020
14	Pej. Pendaftar	24 Julai 2020
15	PBPI	7 Ogos 2020

Bagaimanapun terdapat perubahan dari segi garis masa pelaksanaan myPortfolio berikutan daripada wabak COVID-19 yang melanda negara dan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Perubahan tarikh untuk memuat naik JD dan myPorfolio ke dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh muat naik asal	Tarik muat naik baharu
Job Description (JD)	31 Mac 2020	31 Ogos 2020
myPortfolio	1 Jun 2020	30 September

Selain itu, Bengkel Penyediaan Deskripsi Tugas dan myPortfolio Bagi Staf Akademik Universiti telah dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar pada 27 Julai 2020 bagi memastikan keselarasan dan keseragaman JD dan myPortfolio bagi staf akademik Universiti. Bengkel tersebut diadakan di Bilik Jamuan Auditorium, Canselori dan dihadiri oleh wakil staf akademik daripada kesemua fakulti terdiri daripada gred DS45, DS51/52, DS53/54, VK7 dan DV41/45/48.









Disediakan oleh:
Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz
Penolong Pendaftar
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi



EXECUTIVE TALK BERSAMA PRESIDEN AKADEMI SAINS MALAYSIA

"COVID-19 bukan hanya memberi kesan tetapi peluang khususnya kepada warga universiti untuk sentiasa kreatif dan fokus dalam mengaplikasikan teknologi membina keupayaan dan kompetensi diri serta meningkatkan kreativiti"

Executive Talk bersama YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc. , Presiden Akademi Sains Malaysia telah diadakan pada 8 Julai 2020 di Dewan Auditorium, Canselori UTeM. Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UTeM , Prof. Datuk Wira Dr. Raha binti Abdul Rahim serta Pegawai Kanan Universiti dan disiarkan secara langsung melalui platform FB *Live* UTeM.

Membicarakan tajuk "Where is Higher Education Heading Post COVID -19", Profesor Datuk Dr. Asmah telah menekan berkaitan perancangan dan persediaan Universiti dalam mendepani norma baharu serta hala tuju dalam pengurusan dan pengoperasian Universiti yang lebih strategik agar terus relevan dan signifikan dengan keadaan semasa.

Beliau turut menyatakan pandemik COVID-19 bukan hanya memberi kesan tetapi peluang khususnya kepada warga universiti untuk sentiasa kreatif dan fokus dalam mengaplikasikan teknologi, membina keupayaan dan kompetensi diri serta meningkatkan kreativiti dalam menghadapi cabaran COVID-19.





Antara intipati lain yang disampaikan, beliau menyatakan kepakaran yang ada pada para akademik perlu disebarluas bagi menjana ekonomi negara dalam menghadapi pasca COVID-19. Warga Universiti diminta mengembangkan peluang yang ada dengan berkolaborasi antara Universiti dan industri dalam membangunkan negara pasca COVID-19.

Di akhir sesi bicara, beliau sempat menjawab beberapa soalan yang diutarakan oleh peserta di Dewan Auditorium dan melalui FB *Live* UTeM. Beliau yang pernah diangkat sebagai penerima "The Best Scientist Award" daripada Oxford Summit of Leaders Science & Education telah menyempurnakan program *Executive Talk* Siri 1/2020 yang diadakan bertujuan memperluaskan penyerakan ilmu bagi memberi pendedahan, berkongsi pengalaman, mendapatkan idea dan pemikiran tokoh terkemuka dalam mendorong kepada kemajuan Universiti dan negara yang lebih progresif.




Disediakan oleh:
Hazrin binti Kasim
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pembangunan Bakat



PENUBUHAN JAWATANKUASA KRISIS UTeM

1. Dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi UTeM, wakil Dekan Fakulti, Pegawai Perubatan dan lain-lain Pegawai yang berkaitan.
2. JK ini ditubuhkan untuk memantau dan menguruskan bencana COVID 19 di UTeM.
3. Bilik Gerakan ditubuhkan di Pejabat Pendaftar yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi.
4. Beroperasi 24/7, *hotline* 06-270 2890



INISIATIF MENGAWAL PENULARAN COVID-19 DI UTeM

KAWALAN KESELAMATAN

1. Laluan masuk/keluar hanya melalui Pintu Utama sahaja, bagi Kampus Induk dan Kampus Teknologi
2. Laluan awam ditutup.
3. Saringan imbasan suhu dan pendaftaran bagi semua staf/pelajar/kontrantor yang masuk ke UTeM.



FACE SHIELD & INTUBATION BOX UNTUK KEGUNAAN PETUGAS BAGI MENGEKANG WABAK COVID19

1. Dihasilkan menggunakan kepakaran dalam dan peralatan makmal di FKP.
2. 600 unit, diagihkan ke KKM sekitar Negeri Melaka.



ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PERINGKAT DALAMAN

17 MAC 2020
22 REJAB 1441H

NOTIS ARAHAN DALAMAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENUTUPAN SEMUA OPERASI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA BERKUATKUASA MULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020

TUJUAN

Notis arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga universiti berkenaan penutupan semua operasi di UTeM berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, di seluruh negara. Kerajaan telah memutuskan:

Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.

Kedua, sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara.

Ketiga, sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;

Keempat, penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti;

Kelima, penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara; dan

Keenam, penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*).

PELAKSANAAN DI UTeM

1. Semua operasi UTeM ditutup sepenuhnya. Waktu pegawai bagi perkhidmatan seperti keselamatan, kesihatan dan operasi kritikal masih perlu dilaksanakan secara optimum yang mungkin.
2. Staf UTeM hendaklah bekerja dari rumah dan dipantau oleh Ketua PTj. Staf juga boleh dipanggil pada bila-bila masa oleh Ketua PTj sekiranya diperlukan.
3. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran adalah **ditangguhkan** termasuk mesyuarat, latihan, bengkel, seminar, konferensi, viva, promosi, lawatan akademik, aktiviti sukan, kokurikulum, aktiviti keagamaan, pertandingan dan khidmat masyarakat.
4. Pelajar yang sedang mengikuti latihan industri adalah tertakluk kepada arahan majikan masing-masing.
5. Cuti Pertengahan Semester II Sesi 2019/2020 dari 28 Mac 2020 hingga 5 April 2020 dipinda kepada **18 Mac 2020 hingga 29 Mac 2020**. Berikutan daripada arahan kerajaan **Perintah Kawalan Pergerakan**, maka arahan cuti ini **dipanjangkan sehingga 31 Mac 2020**.
6. Semua pelajar disyorkan untuk pulang ke rumah masing-masing. Pelajar yang tidak dapat pulang diwajibkan untuk mendaftarkan diri mereka di Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman masing-masing. Kafeteria dan kiosk di Kolej Kediaman Satria dan Kolej Kediaman Lestari akan beroperasi seperti biasa, dan makanan hanya dijual dalam secara 'take away'.
7. Bagi pelajar yang tinggal di luar kampus UTeM dan tidak pulang ke kampung, diwajibkan mendaftar diri kepada Pengetua/ Felo Kediaman Luar.
8. Manakala bagi pelajar antarabangsa UTeM **WAJIB** menghubungi pegawai di Pusat Antarabangsa UTeM dan tertakluk kepada perintah yang berkuatkuasa.

#saluranrasmicovid19utem

COVID-19

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

18 MAC, 2020, 9.30pm

Atas arahan terkini dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), para pelajar UTeM termasuk pelajar antarabangsa yang masih berada di kampus (Kolej Kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi) perlu **KEKAL** berada di premis tersebut, walaupun bagi pelajar yang telah membeli tiket pengangkutan ke kampung halaman.

Para pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk pulang ke kampung halaman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

Pelajar di Kolej Kediaman dan Kediaman Luar **DIWAJIBKAN** mendaftar kepada Pengurusan Kolej Kediaman atau Pengetua berkenaan. Pihak Universiti akan membuat pemakluman dari masa ke semasa mengenai apa-apa arahan dari KPT dan MKN.

TUAH #myutem #TuahUTeM #jagakesihatan #utemsayanganda

#saluranrasmicovid19utem

COVID-19

ARAHAN PENUTUPAN PREMIS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (RMCO) KERANA WABAK COVID19 OLEH KERAJAAN NEGERI MELAKA & MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

NOTIS WAKTU OPERASI

KAFETERIA DAN KIOSK KOLEJ KEDIAMAN
SATRIA DAN LESTARI

BERMULA
21 MAC 2020 - 31 MAC 2020

WAKTU OPERASI
7.00 PAGI - 7.00 PETANG

Arahan ini berkuat kuasa mulai 21 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020
ATAU Sehingga Tempoh Perintah Kawalan Ditarik Balik.

TUAH #myutem #TuahUTeM #jagakesihatan #utemsayangandaa

#saluranrasmicovid19utem

COVID-19

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENUTUPAN SEMUA OPERASI DI UTeM BERKUATKUASA DARI 18 MAC 2020 - 31 MAC 2020

1. Cuti Pertengahan Semester II Sesi 2019/2020 dari 28 Mac 2020 hingga 5 April 2020 dipinda kepada 18 Mac 2020 hingga 29 Mac 2020. Berikutan daripada arahan kerajaan Perintah Kawalan Pergerakan, maka arahan cuti ini dipanjangkan sehingga 31 Mac 2020.
2. Semua pelajar disyorkan untuk pulang ke rumah masing-masing. Pelajar yang tidak dapat pulang **DIWAJIBKAN** untuk mendaftarkan diri mereka di Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman masing-masing. Kafeteria dan kiosk di Kolej Kediaman Satria dan Kolej Kediaman Lestari akan beroperasi seperti biasa dan makanan hanya dijual secara 'take away' sahaja.
3. Bagi pelajar yang tinggal di luar kampus UTeM dan tidak pulang ke kampung, **DIWAJIBKAN** mendaftar diri kepada Pengetua/ Felo Kediaman Luar.
4. Pelajar antarabangsa UTeM **WAJIB** menghubungi pegawai di Pusat Antarabangsa UTeM dan tertakluk kepada perintah yang berkuatkuasa.


TUAH #myutem #TuahUTeM #jagakesihatan #utemsayangandaa

Covid-19 Crisis: UTeM Preparedness

- Dalam mengendalikan Krisis Covid-19 ini, UTeM telah menggunakan pendekatan perancangan scenario (*scenario planning*) bagi merancang pelan tindakan bagi pengurusan kritikal Universiti
- UTeM menyediakan tiga scenario seperti berikut:-

Current Scenario	Delayed Recovery	Prolonged Contraction
throughout the Movement Control Order (MCO) that is starting from 18 March until 14 April 2020.	the MCO will not be extended beyond 14 April 2020	the MCO will be extended until the plateau for the epidemic curve has been overcome

GARIS PANDUAN DAN SOP SEMASA PKP DI UTeM



01 SOP ON HEALTH CARE SERVICES DURING CRISIS

02 SOP ON FOOD BANK SISWA

03 SOP ON FOOD DONATION DISTRIBUTION

04 SOP ON FOOD DELIVERY SERVICES FROM OUTSIDE OPERATOR

05 SOP ON CONTROL OF MOVEMENT INTO UTeM CAMPUS

06 SOP ON ARRIVAL OF MOBILITY STUDENTS

07 GARIS PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH

08 GARIS PANDUAN PEROLEHAN DARURAT



Disediakan oleh:
Azrina binti Alwi
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi



PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN

#NORMA BAHARU PASCA COVID19

> "bagi memastikan pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian ini di pantau dengan baik, Bilik Latihan 1 dan Bilik Latihan 2 di PPPK telah dijadikan pusat operasi peperiksaan"






Pandemik Covid 19 yang melanda dunia dan negara khususnya telah menuntut perubahan drastik dalam semua sektor masyarakat, bukan sahaja ekonomi bahkan turut melibatkan sektor pendidikan. Desakan untuk menyediakan etika dan medium baharu perlu disegerakan bagi mengurangkan impak ketidakberhasilan dalam sektor masyarakat.

Bermula pada 18 Mac 2020 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka tidak dibenarkan untuk menghadiri kelas secara bersemuka. Pelajar telah dihantar pulang dengan cara yang sangat tersusun dan rapi seterusnya dinasihatkan untuk kekal berada di rumah dan meneruskan pembelajaran secara dalam talian.

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Pejabat Pendaftar telah mendapat arahan untuk menyelaras pelaksanaan pengajaran & pembelajaran (PdP) dalam talian dan menyediakan dokumen dasar bagi memastikan pelaksanaan PdP UTeM dapat digerakkan dengan jayanya. BPA juga diminta untuk merangka dasar Peperiksaan Akhir Semester Secara Dalam Talian. Setelah beberapa siri perbincangan bersama dengan pengerak-pengerak utama akademik Universiti. Dasar ini telah disediakan dan telah mendapat kelulusan Senat Universiti untuk dilaksanakan.





Buat julung kalinya pada 6 Julai 2020 hingga 19 Julai 2020 Peperiksaan Akhir Semester II-2019/2020 telah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Berdasarkan Pekeliling Bilangan 10 Tahun 2020, pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester dalam norma baharu ini telah berjaya dilaksanakan. Bagi memastikan pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian ini dipantau dengan baik, Bilik Latihan 1 dan Bilik Latihan 2 di PPPK telah dijadikan pusat operasi peperiksaan. Setiap pensyarah akan memulakan dan memantau peperiksaan dari Pusat Operasi ini. BPA, PSTP dan PPPK pula bertugas setiap hari bagi memastikan pelaksanaan peperiksaan ini diselia dengan baik.

Peperiksaan yang diadakan sepanjang dua minggu itu melibatkan 166 kursus dan pelajar dari Fakulti FKE, FKEKK, FKM, FKP dan FTMK. Secara keseluruhannya sebanyak 99.6% pelajar telah berjaya hadir dalam talian untuk menduduki peperiksaan. Manakala bakinya 0.4% lagi tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan dan lain-lain.

Alhamdulillah statistik ini merupakan satu kejayaan bagi pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian kali pertama diadakan di UTeM. Kejayaan in terakam dengan usahasama dan gembleng tenaga semua pihak terutamanya PSTP yang menyediakan Platform peperiksaan akhir dalam talian yang dikenali sebagai Examportal, PPPK yang menyediakan data pelajar, begitu juga sumbang saran dan idea dari kalangan pensyarah telah memantapkan platform ini dan menjayakan pelaksanaan Peperiksaan Akhir secara dalam talian pada Semster II-2019/2020.

Impak dari pandemik Covid 19 ini bukan sahaja memahat memori *stay at home* sahaja tetapi ianya juga menjadi ingatan bermulanya anjakan paradigma baharu penyampaian dan pelaksanaan pengajaran & pembelajaran pendidikan di UTeM.



Disediakan oleh:
Sahhizam bin Maamin
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Akademik

PROGRAM *HEAD HUNTING* BAGI PELANTIKAN STAF AKADEMIK BUKAN WARGANEGARA

Sebagai sebuah Universiti Awam Teknikal pertama di Malaysia yang berteraskan aplikasi dan amalan, UTeM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta memperkasakan penyelidikan bagi mencapai visi, misi dan objektif universiti.

Bagi mendokong hasrat tersebut, UTeM komited dalam memastikan inisiatif strategik yang dirangka dalam Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) Teras 1: Menarik, Mencari, Memilih dan Melantik Bakat Profesionalisme tercapai. Antaranya adalah Program *Head Hunting* yang merupakan satu usaha ke arah menarik bakat berpotensi, berkepakaran dan berkelayakan dalam kalangan tenaga akademik antarabangsa *(expatriate)* dalam pelbagai bidang kesarjanaan akademik dari pelbagai negara, budaya dan bangsa.

Bahagian Sumber Manusia (BSM), Pejabat Pendaftar telah mengadakan Program *Head Hunting* ini selama dua (2) hari bertempat di Sama Sama Hotel, KLIA. Menerusi hebahan iklan yang dikeluarkan di pelbagai medium seperti *JobStreet.com*, laman sesawang UTeM dan media sosial, BSM telah menerima 220 permohonan dari pelbagai bidang pengajian. Walau bagaimanapun, setelah melalui tapisan oleh fakulti, hanya 24 calon terbaik sahaja yang telah dipanggil ke sesi temuduga. Bilangan perjawatan bagi staf akademik antarabangsa yang boleh diisi pada masa ini adalah sebanyak 20 jawatan sahaja secara lantikan *contract of service*.

Program ini melibatkan pengisian bagi empat (4) buah fakulti iaitu :

01 Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

02 Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

03 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

04 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

> **"UTeM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta memperkasakan penyelidikan bagi mencapai visi, misi dan objektif universiti"**

Melalui Program *Head Hunting* ini, seramai 18 orang Pensyarah (Bukan Warganegara) Gred DS51 yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah telah berjaya dilantik dari pelbagai negara seperti Iran, India, Pakistan, Yemen, Indonesia, dan lain-lain. Sehingga tahun 2020 ini, seramai 13 orang telah melapor diri dan berkhidmat di UTeM.

Barisan Panel dan Sekretariat



Pendaftaran calon




Sesi Temuduga





Disediakan oleh:
Nur Fazilah binti Mohd Kassim
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

BAHAGIAN GOVERNAN & PENGURUSAN ORGANISASI



CARTA ORGANISASI BGPO

Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi atau dikenali sebagai BGPO diwujudkan selaras dengan wujudnya Pejabat Pendaftar. Bahagian ini dikemudikan oleh Puan Siti Norani binti Dolah, Timbalan Pendaftar.

BGPO bertanggungjawab dalam melaksanakan segala urusan berkaitan mengkaji dan membangunkan model pengurusan strategik Universiti, pengurusan berkaitan statut, dasar, polisi, peraturan, kewangan, kemudahan staf dan pekeliling Universiti.

Selain itu, BGPO juga merupakan Sekretariat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Sektretariat Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Urus setia aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM dan juga bertanggungjawab dalam pengurusan MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar.

Bahagian ini disokong oleh dua (2) Seksyen dibawahnya iaitu:

01 SEKSYEN DASAR

- Unit Sekretariat LPU
- Unit Dasar & Penyelidikan
- Unit Inovasi & Permesyuaratan

02 SEKSYEN TADBIR URUS ORGANISASI

- Unit Kemudahan Staf & OKU
- Unit Pentadbiran Am

UNIT KEWANGAN

FUNGSI Unit Sekretariat LPU

1. Sekreteriat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
2. Urus setia Jawatankuasa Transformasi
3. Pengurusan Pelantikan/ Penyambungan/ Penamatan Pro Canselor Universiti
4. Pengurusan Pelantikan/ Penyambungan/ Penamatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
5. Pengurusan Pembayaran Elaun dan Tuntutan Berkaitan kepada Canselor, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
6. Pengurusan Pelantikan / Penyambungan/ Penamatan Canselor Universiti

FUNGSI Unit Dasar & Penyelidikan

1. Pelan Strategik/BSc/QPR Pejabat Pendaftar
2. ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar & Universiti
3. Pengurusan Risiko
4. Manual Had Kuasa Pejabat Pendaftar
5. Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja (MyPortfolio)
6. Pekeliling/Surat Pekeliling/Surat Edaran/
7. Dasar/Garis Panduan
8. Pengurusan Penyelidikan Pentadbiran (Geran Pengurusan Pentadbiran)
9. SKT Pejabat Pendaftar
10. Pelan Strategik Sumber Manusia UTeM 2015:2025
11. Audit Akauntabiliti, Lawatan Naziran/Badan Berkanun dan Audit Negara
12. Jawatankuasa Induk Autonomi/MICE

FUNGSI Unit Inovasi & Pengurusan Projek

1. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
2. Mesyuarat Tindakan Pejabat Pendaftar (MTPP)
3. Mesyuarat Bersama Pentadbir
4. Pengurusan *Trademark* Pentadbiran
5. Laporan Tahunan Pejabat Pendaftar
6. Mesyuarat Pentadbiran BGPO
7. Pengurusan KIK
8. Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)
9. Buletin Teras
10. Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Pingat dan Bintang
11. Perhimpunan Pejabat Pendaftar
12. Laman Web Pejabat Pendaftar

FUNGSI Unit Kemudahan Staf & OKU

1. Pengurusan Perubatan Staf
   - Klinik Panel Universiti (PK01)
   - Penyediaan Surat Jaminan Perubatan (GL) bagi rawatan di Hospital Kerajaan
   - Mengurus pemeriksaan kesihatan bagi staf berumur 40 tahun ke atas
   - Mengendali bantuan pengurusan jenazah staf yang meninggal dunia dalam perkhidmatan
   - Urusetia dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Universiti
   - Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelantikan & Panel Klinik (JPPPKU) dan Penjimatan Perubatan Universiti
2. Pengurusan Kebajikan Staf (Pengurusan Wang Khairat/Insuran Kelompok/Buku Panduan Skim Perubatan/ Persatuan Pesara UTeM/ Pengurusan Bencana/ Dasar Promosi Kesihatan)
3. Pengurusan OKU (Dasar Inklusif OKU
4. Lembaga Perubatan UTeM
5. Pengurusan Tempahan Tiket Kapal Terbang
6. Pengurusan Kad Staf dan Kad Matrik Pelajar
7. Pengurusan Insurans Kesihatan

FUNGSI Unit Pentadbiran Am

1. Pengurusan Rekod dan Fail Universiti
2. Pengurusan Aset & Inventori Pejabat Pendaftar (merangkap Pegawai Aset Pejabat Pendaftar)
3. Pengurusan Kehadiran Staf Melalui SPWB Khususnya Staf Pejabat Pendaftar dan Umumnya Staf UTeM
4. Pengurusan Stor Alat Tulis Pejabat Pendaftar
5. Pengurusan Mel Universiti
6. Pengurusan Rumah Tunggu Sedia & Pengendalian Urusan Polisi Perumahan
7. Menyediakan Tanda Nama Semua Staf
8. Pengurusan Aduan Kerosakan Pejabat Pendaftar
9. Menyelaras dan Memantau Hal-hal Berkaitan Pengurusan Tenaga bagi Pejabat Pendaftar
10. Menyelaras dan Memantau hal-hal Berkaitan Keselamatan
11. Pengurusan Air Mineral
12. Pengurusan *Rubber-Stamp*
13. Pengurusan Parkir Universiti/Bangunan Canselori
14. Majlis Hari Kualiti/Program *Adhoc* Pejabat Pendaftar
15. Pengurusan Cenderahati



Disediakan oleh:
Zulaikha binti Md Radzai
Penolong Pendaftar
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi



KEJAYAAN Ph.D DI SENDAI JEPUN

> "tarikh keramat 25 Mac 2020 saya telah dikurniakan segulung ijazah Doktor Falsafah daripada Department of Mechanical System Engineering, Tohoku University, Japan"

Oleh: Dr. Khairul Fadzli bin Samat

Alhamdulillah perjalanan PhD saya telah dipermudahkan oleh Allah SWT. Segala keputusan awal saya termasuk dalam pemilihan bidang pengajian PhD, universiti dan penyelia telah diberi petunjuk oleh Tuhan yang Maha Esa. Dalam artikel ini, saya akan kongsikan beberapa faktor kejayaan saya dalam menamatkan pengajian Doktor Falsafah secara GoT *(Graduate on Time)*. Pada tarikh keramat 25 Mac 2020, saya telah dikurniakan segulung Ijazah Doktor Falsafah daripada Department of Mechanical System Engineering, Tohoku University, Japan.

Suka saya kongsikan mengenai pencapaian terbaru universiti kebanggaan saya ini. Mengikut rujukan terbaru kedudukan universiti di Jepun melalui *Times Higher Education (THE) Japan University Rankings* 2020 yang diterbitkan pada bulan Mac 2020, Tohoku University telah merangkul tempat pertama dalam carta universiti di Jepun dan ini adalah pertama kali berlaku di mana universiti ini dapat menempah tempat pertama yang biasanya disandang oleh Tokyo University.

Pencapaian tersebut sedikit sebanyak menzahirkan rasa bangga pada diri saya kerana pada masa tersebut saya masih lagi bergelar pelajar. Perjalanan PhD saya bermula dengan perancangan jabatan dalam merancang staf yang masih belum menyambung pelajaran ke peringkat PhD sama ada di dalam atau luar negara. Bermula tahun 2014, beberapa universiti di luar negara telah diselidik dengan teliti termasuk di UK dan Jepun.

Dengan bersandarkan minat penyelidikan terarah kepada *semiconductor* dan *micro device*, fokus pencarian universiti lebih kepada negara Jepun kerana kagum dengan pencapaian dalam bidang tersebut serta budaya tertib mereka dalam norma kehidupan. Minat penyelidikan tersebut telah didorong melalui penyertaan saya dalam program sangkut industri di Infineon, Melaka pada tahun 2014-2015. Sepanjang tahun 2015 semasa proses pencarian universiti di Jepun, saya telah menerima dua tawaran kemasukan melalui sokongan profesor iaitu daripada Tohoku University dan Kyushu University.

Di Jepun, kebiasaannya hanya surat tawaran dan sokongan (certification of admission) daripada Profesor/Profesor Madya sahaja yang boleh digunakan untuk meneruskan permohonan dalam program doktor falsafah. Setelah memperolehi lebih banyak info mengenai pilihan yang ada, saya membuat keputusan untuk meneruskan proses permohonan ke Tohoku University, Sendai, Jepun. Di Jepun, pemilihan profesor juga bersandarkan nama makmal penyelidikan yang dinamakan terus kepada nama profesor tersebut. Contoh nama makmal saya adalah Ono Laboratory, yang diketuai oleh penyelia saya iaitu Prof. Dr. Takahito

Antara kaedah yang saya gunakan semasa pilihan penyelia/profesor ialah; **Pertama** dengan mendapatkan maklumat melalui website berkenaan jumlah pelajar aktif di bawah seliaan profesor tersebut terutamanya pelajar pasca ijazah. Ini penting bagi memastikan bahawa profesor tersebut secara aktif menjalankan penyelidikan semasa melalui projek/grant penyelidikan terkini. Ini sedikit sebanyak dapat menjamin profesor tersebut mempunyai pengurusan yang baik dalam penyelidikan semasa dan secara langsung memberikan impak positif dari segi kewangan dan peralatan serta bahan penyelidikan seterusnya membantu pelajar dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan.

Kedua berkenaan jumlah pelajar antarabangsa semasa dan yang telah bergraduat. Penyelia saya secara aktif telah berjaya menyelia ramai PhD dan secara purata setiap semester akan ada pelajar PhD yang bergraduat. Ironinya, salah seorang pelajar PhD yang bergraduat di bawah beliau adalah seorang rakyat Malaysia dan sekarang sedang berkhidmat sebagai pensyarah berjawatan Prof. Madya di Universiti Malaya.

Ketiga, mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan stail penyeliaan profesor dan norma penyelidikan di tempat yang dipohon melalui pelajar yang telah bergraduat di bawah seliaan penyelia tersebut. Melalui kaedah ini, maklumat berkenaan suasana penyelidikan di tempat yang dipohon akan lebih meyakinkan dan kemungkinan cadangan penyelidikan terkini yang berkait rapat dengan *laboratory* pilihan akan dikongsikan oleh pelajar yang telah bergraduat tersebut.

Beberapa cabaran telah saya hadapi dalam permohonan cuti belajar melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) pada tahun 2015. Walaupun sudah memperolehi *certification of admission* atau juga dikenali sebagai *letter of acceptance*, permohonan saya yang telah disokong di peringkat universiti telah dibawa ke satu mesyuarat pada Januari 2016 di mana pihak kementerian telah menetapkan syarat tambahan bagi permohonan SLAB ke luar negara. Mesyuarat tersebut memberikan kelulusan bersyarat kepada saya iaitu hanya universiti dalam kedudukan *Top 100 Times Higher Education world ranking* sahaja boleh diterima. Tohoku University adalah tidak termasuk dalam kedudukan ini dan saya telah diarah untuk menukar tempat pengajian.



Gambar 1 Simbolik pemberian skrol daripada penyelia Prof. Dr. Takahito Ono

Beberapa peringkat proses rayuan telah saya kemukakan memandangkan perancangan pengajian saya sepatutnya bermula pada April 2016 dan agak suntuk untuk saya mulakan semula proses pemilihan universiti lain yang tertakluk di bawah syarat tambahan tersebut. Alhamdulillah selepas selesai proses rayuan, saya diberikan pertimbangan dan kelulusan khas memandangkan kedudukan Tohoku University di Jepun yang sangat baik (juga dikenali sebagai salah satu universiti daripada *National Seven Universities-Imperial Universities).*

Walau bagaimanapun, kelulusan yang diberi hanya membenarkan saya memulakan pengajian pada 1 Oktober 2016 iaitu 6 bulan tertangguh daripada perancangan cuti belajar yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, saya tetap bersyukur kepada Ilahi kerana permohonan cuti belajar dengan SLAB bersama kebenaran membawa keluarga telah diluluskan.

Tanggal 29 September 2016, berbekalkan doa ahli keluarga dan rakan-rakan yang mengiringi pemergian kami sekeluarga di KLIA, saya bersama-sama isteri, (Yuhaniz Binti Anuar) dan ketiga-tiga anak (Amsyar Uwais, Ammar Uwais dan Ayman Uwais) telah bertolak ke negara matahari terbit. Penerbangan mengambil masa lebih kurang 7 jam perjalanan daripada KLIA ke Tokyo dan 1 jam perjalanan daripada Tokyo ke Sendai. Sendai adalah *prefecture capital* (setara dengan ibu negeri) yang terletak 349km arah utara Tokyo di bawah *prefecture* (setara dengan negeri) yang dinamakan Miyagi.

Alhamdulillah perjalanan kami telah dipermudahkan dan dibantu oleh pelajar Malaysia yang telah berada di Sendai. Isnin, 3 Oktober 2016, saya bersua muka untuk pertama kali dengan penyelia. Sambutan mesra beliau dengan dibantu oleh Setiausaha Makmal dan Tutor Lantikan Penyelia yang dilantik khas untuk membantu saya menguruskan hal-hal pendaftaran di Jepun telah mengurangkan sedikit sebanyak kerja-kerja awal pendaftaran sama ada di universiti dan di pusat bandar setempat Sendai Aoba-ward *(town hall)*.

Saya bersyukur dengan kaedah penyeliaan yang diterapkan oleh penyelia saya di mana pemantauan secara sistematik dan konsisten sangat membantu dalam pengurusan penyelidikan pelajar. Struktur organisasi pengurusan makmal penyelidikan *(laboratory)* adalah teratur di mana ia diketuai oleh Profesor, Profesor Madya dan dibantu oleh dua orang Penolong Profesor yang mempunyai PhD. Jawatan Penolong Profesor adalah setara dengan jawatan Pensyarah Kanan di Malaysia. Selain itu terdapat juga Penolong Profesor lantikan projek penyelidikan yang bersama-sama dalam pengurusan penyelidikan.



Gambar 2 Gastown Steam Clock salah satu mercu tanda di Vancouver, Canada tempat persidangan IEEE-MEMS 2020

Pelajar-pelajar dipantau melalui perbincangan lisan berkumpulan bersama penyelia setiap 2 minggu sekali (biweekly meeting) mengikut sub-kumpulan yang telah ditetapkan. Selang seminggu penjumpaan berkumpulan, akan ada perbentangan mengenai kerja-kerja penyelidikan semasa (hasil kerja 2 minggu) dan juga perancangan untuk kerja-kerja penyelidikan untuk 2 minggu selanjutnya (dikenali sebagai *Soudan-kai*).

Dengan kata lain, setiap minggu akan ada perjumpaan bersemuka dengan penyelia. Perbincangan merangkumi segala perkara mengenai penyelidikan termasuk permasalahan fasiliti semasa.

Disebabkan tema penyelidikan pelajar-pelajar yang agak pelbagai di bawah penyelia saya, setiap sub-kumpulan penyelidikan berkemungkinan tidak menggunakan peralatan yang sama. Oleh itu, waktu *Soudan-kai* adalah waktu yang sesuai untuk belajar aplikasi sebenar peralatan lain dan saling berkongsi pendapat mengenai permasalahan yang dihadapi. Sewaktu pembentangan *Soudan-kai*, tiada sesi menempelak atas kekurangan hasil penyelidikan dan penggunaan peralatan. Penyelia menerapkan keadaan yang terkawal dengan sokongan sama ada secara informatif atau pun bersifat praktikal. Selain itu, pembentangan secara bulanan juga turut diadakan dengan penggiliran beberapa pelajar untuk satu-satu sesi pembentangan. Pembentangan bulanan tersebut yang dipanggil *Danwa-kai* diwajibkan hadir untuk semua pelajar dibawah *Ono Laboratory* bersama-sama dengan jemputan professor dan wakil industri berkaitan *laboratory*.

Pembentangan Danwa-kai menerapkan konsep persidangan lokal di mana setiap pembentang menyediakan 2-4 muka surat kertas kerja mengenai penyelidilikan semasa yang merangkumi pengenalan dan hasil semasa penyelidikan masing-masing. Bezanya, pembentang tidak diberi sebarang had masa pembentangan mahupun soal jawab. Ia lebih mirip kepada sesi perbincangan seperti pembentangan *Soudan-kai* dengan skop perbincangan berkenaan kemajuan penyelidikan yang lebih luas (hasil kerja 3-6 bulan).

Selain pengurusan penyeliaan mapan yang diterapkan oleh penyelia, professor saya juga memberi galakan untuk pelajar-pelajar pergi ke persidangan pilihan beliau. Penyelia akan sentiasa kemaskini maklumat terkini berkenaan maklumat persidangan sepanjang tahun sama ada yang di dalam atau di luar negara. Persidangan yang dicadangkan telah dijadikan salah satu matlamat dan galakan untuk saya mendapatkan keputusan penyelidikan semasa yang baik. Sebanyak 5 persidangan telah berjaya saya sertai sepanjang dalam pengajian PhD iaitu tiga persidangan di luar negara (France-2018, South Korea-2019, Canada-2020) dan selainnya di dalam negara (Hokaido-2018, Hamamatsu-2019).

Ada beberapa persidangan pilihan professor agak sukar untuk disertai atas dasar pilihan penganjur yang mengutamakan kualiti dan novelti sesuatu penyelidikan. Pada tahun 2020, persidangan IEEE Micro Electro Mechanical Systems-MEMS 2020 yang saya sertai hanya menerima kurang daripada 50% pemohon selepas tapisan kualiti dibuat.

Pengalaman menyertai beberapa persidangan di dalam dan luar negara telah membuka mata saya berkenaan kemajuan penyelidikan semasa di seluruh dunia berkaitan bidang serta dapat menambah kenalan dan pengetahuan bagi potensi jalinan kerjasama penyelidikan pada masa akan datang. Dengan adanya *biweekly meeting*, *Soudan-kai* dan *Danwa-kai*, kemajuan penyelidikan saya adalah lebih terarah dan permasalah yang timbul sentiasa dibantu atau dibincangkan.

Kesediaan dan kebolehgunaan fasiliti serta peralatan penyelidikan di Tohoku University adalah sangat membantu dalam mengharungi pasang surut hasil eksperimen khasnya dalam bidang penyelidikan saya iaitu berkaitan fabrikasi micro-nano. Penyelidikan yang dijalankan banyak menggunakan fasiliti, mesin dan bahan kimia terkawal di Micro/Nano-Machining Research & Education Centre (MNC).

Alhamdulillah segala peralatan yang diperlukan untuk kerja-kerja penyelidikan saya adalah tersedia ada dan boleh digunakan. Ada juga beberapa peralatan baharu yang dibeli penyelia sebaik kedatangan saya di mana ia hanya digunapakai di kalangan ahli *laboratory* sahaja. Cuma terdapat beberapa perkara yang perlu diubahsuai mengikut spesifikasi keperluan dan sampel. Kaedah penggunaan fasiliti dan mesin guna sama adalah sangat sistematik dan mudah. Sebagai contoh, jika saya perlu gunakan sesuatu alat/mesin guna sama, saya cuma perlu membuat tempahan secara online melalui sistem di mana sistem tersebut mempunyai maklumat ringkas berkenaan slot tarikh dan masa yang dibenarkan (kebiasaannya 8 pagi hingga 10 malam). Tempahan hanya boleh dibuat melalui sambungan netwok di bilik laboratory atau di bangunan mikro fabrikasi, MNC. Tempahan tidak perlu dapatkan kelulusan penyelia atau staf lain tetapi perlu masukkan nama pemohon dan juga maklumat ringkas atas nama laboratory masing-masing. Sebelum pelajar layak menempah penggunaan sesuatu peralatan atau mesin, pelajar perlu lulus ujian keselamatan tempat kerja dan operasi bahan kimia terkawal serta menjalani tutorial wajib mengenai tatacara penggunaan mesin yang akan digunakan.

Segala kesukaran semasa menghasilkan pelbagai sampel ujikaji nano-komposit bersaiz mikro (<5ftm) telah diharungi dengan tabah. Kegagalan yang dirasai sepanjang proses ujikaji akhirnya disudahi dengan kejayaan atas dasar terus berusaha perbaiki kekurangan yang ada dan sentiasa memandang setiap kegagalan sebagai satu bentuk ilmu yang baru. Kreativiti dan kefahaman kaedah baru yang diterap berlandaskan ilmu yang bersesuaian dapat menyelesaikan masalah dan kegagalan yang dihadapi dalam ujikaji. Sudah menjadi norma penyelidikan di Jepun bahawa segala peralatan penyelidikan termasuk kebersihan fasiliti dikendalikan oleh pelajar sendiri. Setiap mesin/peralatan guna sama mempunyai *person in charge* (PIC) masing-masing bagi mengendali dua tugas utama iaitu; bertanggungjawab dalam memberikan latihan tatacara penggunaan mesin kepada pelajar/pengguna baru dan seterusnya memantau serta membetulkan permasalahan kecil yang belaku pada mesin. PIC diterajui oleh pelajar-pelajar yang lebih berpengalaman sambil dipantau oleh staf akademik. Selain itu, PIC juga bertanggungjawab untuk mengemaskini manual/tatacara penggunaan sesuatu mesin.



Gambar 3 Bersama dengan Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Muhamad, TNCAA ketika lawatan beliau di Sendai, Jepun pada tahun 2019

Saya berpeluang untuk berjumpa dengan Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Muhamad yang menggalas tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) pada tahun 2019. Pada tahun 2017, Datuk TNCAA telah mengadakan lawatan rasmi dan bertemu staf yang sedang cuti belajar di Jepun. Pada tahun 2019 pula kehadiran Datuk adalah bersempena persidangan iDecon 2019 di Sendai. Pada kedua-dua perjumpaan tersebut, saya telah dipertanggungjawabkan sebagai menjadi pemudah cara bagi urusan-urusan beliau di Sendai.

Di akhir perkongsian saya ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri saya Yuhaniz binti Anuar dan rasa yang cukup terharu dengan ketabahan beliau yang tidak jemu membantu saya dalam banyak perkara dan setia menunggu kepulangan saya daripada *laboratory* setiap hari dengan lemparan senyuman yang ikhlas. Di sebalik senyuman manis tersebut, saya faham betapa penatnya beliau menjaga dan menguruskan hal rumahtangga dengan cabaran anak-anak yang masih kecil di rumah. Rezeki anak ke-4 yang dilahirkan pada bulan Februari 2019 (Aydeen Uwais) telah menambah ceria dalam keluarga kami dan dalam masa yang sama telah menambah beban untuk si isteri. Tiada kata lain boleh diungkap atas pengorbanan seorang isteri dan ia tidak dapat digantikan dengan wang ringgit. Secara jujur saya boleh ungkapkan, isteri saya Yuhaniz binti Anuar adalah tulang belakang di sebalik kejayaan saya menamatkan pengajian doktor falsafah ini secara GoT.



Gambar 4 Bergambar satu keluarga sabagai kenangan terakhir di Tohoku University



Gambar 5 Bersama dengan sebahagian ahli Ono Laboratory pada tahun 2017

BERPANTANG DAN PKP



Kisah PKP dan Berpantang Bersama Bayi Secara Berjemaah adalah sesuatu yang tidak akan aku lupakan dan menjadi ingatan buat kami semua. Menyambut kelahiran bayi ketiga pada 6 Mac 2020 adalah sesuatu yang dinantikan oleh kami sekeluarga kerana mendapat cahaya mata lelaki selepas memiliki dua cahaya mata perempuan. Selama 7 hari berkampung di wad ekoran masalah kesihatan bayi, akhirnya kami dibenarkan pulang pada 11 Mac 2020. Maka bergembiralah kami semua di rumah menjalani rutin harian tanpa mengambil berat krisis wabak Covid-19 yang sedang menular di negara kita. Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 17 Mac 2020 yang lalu merupakan titik tolak kepada permulaan kehidupan '*new normal*' yang baharu merubah segalanya.

18 Mac 2020 adalah tarikh permulaan PKP bersamaan 12 hari berpantang. Rumah riuh, ayah tidak kerja, kakak Lisa dan kakak Anim tak sekolah, ralit mengulit si adik. Seronok pantang kali ni, ayah jadi tukang masak, kakak-kakak jadi pembantu rumah..hehe. Kak Lisa berumur 15 tahun manakala kak Anim berumur 8 tahun. Mereka sangat cemas apabila mendengar rengekan bayi. Cepat sahaja mereka sampai untuk menghulurkan pertolongan.

Okey, bercerita tentang PKP yang terbahagi ke beberapa fasa iaitu **Fasa 1** :18 Mac - 31 Mac 2020 **Fasa 2** :1 April - 14 April 2020 **Fasa 3** :15 April - 28 April 2020 Fasa 4 : 29 April - 12 Mei 2020 Fasa 5 (PKPB) :13 Mei - 9 Jun 2020 dan Fasa 6 (PKPP) :10 Jun - 31 Ogos 2020. Tarikh aku habis pantang adalah pada 19 April 2020 (44hari). Sudah habis pantang bersalin tapi masih tak boleh keluar rumah, memang menyesakkan sungguh perasaan kala itu. Untuk hilangkan resah di hati, kami berjinak-jinak "mem*baking*". Buka *google* dan *youtube* untuk mencari resepi-resepi mudah. Kek pertama yang terhasil ialah "Moist Chocolate Cake". Banyak yang tidak menjadi dari yang jadi. Kuih sagu mata ikan, kuih apam kampung, *pancake* dan banyak lagi tersenarai dalam *list failed*.

Dalam masa yang sama, si ayah mahir masak lauk pauk seperti asam pedas, masak lemak, kari, sambal, dan sup. (Dengan bantuan pembantu dapur @"Cik Noxxa"). Sebut nak makan apa, siap!



KEK SARANG SEMUT
- Separuh jadi, separuh tidak menjadi



KUIH APAM
- Tidak menjadi



Nak buat SAGU MATA IKAN, pewarna merah tiada. Hanya ada pewarna hijau. TIDAK MENJADI- KERAS



Derhaka resepi. Resepi menggunakan tepung jagung dan tepung gandum. Disebabkan tepung jagung tiada, Ayah guna tepung beras dan tepung gandum. Inti sedap, kulit *spoiled*.





MOIST CAKE - LULUS





KEK MINYAK - LULUS







Makanan basah terpaksa ditempah dalam talian untuk mengelakkan keluar rumah di kala PKP

Alhamdulillah nama bayi didaftarkan pada 5 Mei 2020, Ariq Faris bin Norefpendi nama diberi. Sektor awam telah mula beroperasi pada 4 Mei 2020. Kerajaan menggalakkan kakitangan awam bekerja dari rumah kecuali bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan di pejabat. Mesyuarat juga digalakkan diadakan secara online menggunakan medium yang selamat. Bagi yang mempunyai kesulitan penjagaan anak-anak di rumah, kerajaan membenarkan penggiliran pekerja selain melaksanakan waktu bekerja anjal. Syukur ke hadrat Allah, pada 7 Jun 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengumumkan bahawa pada 10 Jun, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang merupakan fasa pemulihan dari pelaksanaan PKP dan PKPB yang bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.



Penulis:
Norashikin binti Jahari
Pembantu Operasi
Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi

LIMA PERKARA YANG BOLEH MENJADI SEBAB DIANGKATNYA MUSIBAH



01 SEDEKAH

Dalam usaha untuk menyelamatkan diri dan ahli keluarga daripada musibah wabak Covid-19, jalan keluarnya bukanlah menyimpan bahan makanan sebanyak-banyaknya (panic buying), sebaliknya perbanyakkanlah sedekah. Daripada Aisyah radiallahuanha, beliau menceritakan tentang khutbah Nabi sallallahualaihiwasallam setelah baginda selesai menunaikan Solat Gerhana. Sabda Rasulullah sallallahualaihiwasallam: "Sesungguhnya matahari dan bulan adalah bukti kebesaran Allah. Tidaklah berlaku sesuatu gerhana itu disebabkan oleh kematian seseorang maupun disebabkan kelahiran seseorang. Apabila kamu menyaksikan gerhana maka hendaklah kamu berdoa kepada Allah, bertakbir kepada-Nya, menunaikan solat dan bersedekah." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Bala bencana selamanya tidak akan mendahului sedekah, Rasulullah sallallahualaihiwasallam bersabda: "Segeralah bersedekah, kerana bala bencana tidak pernah dapat mendahului sedekah." (Riwayat Al-Baihaqi).

Sedekah bukan hanya menolak bencana, bahkan ia boleh menjadi benteng daripada panasnya neraka, sebagaimana sabdanya; "Bentengilah diri kamu sekalian daripada siksa api neraka meskipun dengan separuh buah kurma." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Bahkan sedekah itu dapat meredakan kemarahan Allah, dan mengurangi kesakitan saat sakaratul maut. Ini disebut dalam buku Fiqh Al-Sunnah karya Sayyid Sabiq rahimahullah, (m. 1420H) di mana Rasulullah sallallahualaihiwasallam pernah bersabda, "Sedekah meredakan kemarahan Allah dan mengurangi kepedihan saat sakaratul maut."

Sedekah bukan hanya melindungi daripada penyakit, bahkan ia turut menjadi pelindung pada Hari Kiamat. Rasulullah sallallahualaihiwasallam bersabda; "Naungan bagi seorang mukmin pada Hari Kiamat adalah sedekahnya." (Riwayat Ahmad).



02 TENANG

Seorang mukmin tidak seharusnya panik ketika berhadapan dengan ancaman penularan wabak Covid-19, tetapi tetaplah bersikap tenang kerana sikap tenang dan itulah sifat mukmin sejati.

"(Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin.

Ketenangan membuatkan keimanan semakin berkembang dan semakin menyempurnakan keteguhan dalam iman ." (Taisir Al-Karim: 791)

Allah Taala berfirman: "Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya, serta Ia menyeksa orang-orang kafir itu (dengan kekalahan yang membawa kehancuran); dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang-orang yang kafir." (Surah At-Taubah: 26)

Ketenangan selalu melahirkan kemenangan atas segala musibah dan ujian. Allah Taala berfirman: "Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya" (Surah Al-Fath: 18)

Bersikap tenanglah dalam menghadapi wabak ini dengan banyak berzikir kepada Allah. Bukankah Allah telah mengatakan dalam Al-Quran; "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia." (Surah Ar-Ra'd: 28)

03 SABAR

Sabar adalah sesuatu yang mudah diucapkan di lidah, tetapi berat untuk dikerjakan di hati. Sebagaimana ungkapan dalam syair Arab; "Sabar itu memang seperti namanya (sejenis tumbuhan), rasanya pahit. Namun hasil daripada kesabaran akan lebih manis dari madu."

Seberat mana pun ujian, sifat sabar mesti ditanam kerana ia adalah bukti daripada kebenaran iman. Orang yang paling sabar adalah orang yang paling benar imannya.




"... dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa." (Surah Al-Baqarah: 177)

Ibnu Qayyim rahimahullah (m. 751H) berkata; "Kedudukan sabar dalam iman laksana kepala bagi seluruh tubuh. Apabila kepala sudah terpotong maka tidak ada lagi kehidupan di dalam tubuh." (Al-Fawa'id, hal. 95)

Bersabarlah dengan wabak ini, untuk meraih cinta Allah tanpa batas. Allah Taala berfirman: "... Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar." (Surah Ali Imran: 146)

Bukti kecintaan Allah terhadap hambanya yang sentiasa bersabar adalah ganjaran pahala yang tiada batas.

04 SOLAT



Ketika wabak menimpa, sepatutnya semakin rajin mendirikan solat, bukan meninggalkannya. Sabar sentiasa digandingkan dengan solat. kerana kedua-duanya adalah bekalan untuk menghadapi segala urusan.

Allah Taala berfirman: "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk." (Surah Al-Baqarah: 45).

Iaitu mintalah pertolongan kepada Allah dengan bekalan sabar dan solat dalam menangani semua urusan kamu sekalian. Begitu pula sabar menjadi sebab hamba boleh meraih kenikmatan abadi iaitu syurga. Allah Taala berfirman kepada penduduk syurga: "(Memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu." (Surah Ar-Ra'd: 24).

Hanya Allah Taala sahaja yang mampu memberi manfaat dan mengangkat bencana ini, maka sembahlah Dia. Allah Taala berfirman: "Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).

Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Ia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapapun yang akan dapat menghalangi limpah kurnia-Nya. Allah melimpahkan kurnia-Nya itu kepada sesiapa yang dikendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya, dan Dia lah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani" (Surah Yunus: 106-107).


Harus diingatkan, bahawa setiap bencana dan musibah yang berlaku adalah di atas kehendak dan izin Allah. Jika ada suatu perkara dibinasakan oleh makhluk dalam perkara yang ia mampu, maka itu hanyalah penyebab sahaja. Namun hakikatnya, Allah yang telah mentakdirkan semua itu dengan izin-Nya.

05 DOA

Doa adalah senjata terbaik bagi seorang mukmin dalam menghadapi situasi yang menyulitkan. Demikianlah yang diperintahkan oleh Rasulullah sallallahualaihiwasallam.

Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, Nabi sallallahualaihiwasallam bersabda; "Mintalah perlindungan kepada Allah daripada beratnya ujian , kesengsaraan yang berat, takdir yang buruk, dan kegembiraan musuh atas kekalahan." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Mohonlah kepada Allah semata-mata kerana hanya Allah sahajalah tempat bergantung dan hanya kepada-Nyalah kita memohon pertolongan.



Allah Taala berfirman: "Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu)." (Surah An-Naml: 62).

Akhirnya, marilah memanjatkan doa; ***"Allāhumma innī a'ūdzu bika min jahdil balā', wa darakisy syaqā', wa sū'il qaḍā', wa syamātatil a'dā'"*** Maksudnya: "Ya Allah aku meminta perlindungan kepada-Mu daripada beratnya ujian, kesengsaraan yang berat, takdir yang buruk, dan kegembiraan musuh atas kekalahan."




Penulis:
Khusairi bin Ramli
Pembantu Tadbir
Bahagian Sumber Manusia

CORONA VIRUS
PERMULAAN
NORMA BAHARU

Malaysia tidak terkecuali dengan pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh pelusuk dunia. Permulaan wabak ini telah dikesan di Wilayah Wuhan, China di mana ianya bermula di pasar yang menjual haiwan eksotik untuk dijadikan bahan makanan. Penyebaran virus ini semakin runcing apabila pergerakan manusia dari negara China yang ingin pulang ke negara masing-masing.

Pada 16 Mac 2020, Malaysia telah digemparkan dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan terpaksa menggunakan kaedah ini bagi mengekang penyebaran virus ini dari merebak ke serata negara.



Tempoh pelaksanaan PKP pada fasa pertama adalah selama 2 minggu iaitu dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Sepanjang tempoh tersebut rakyat perlu duduk di dalam rumah kecuali ketua keluarga atau wakil keluarga yang hanya dibenarkan keluar untuk membeli barangan keperluan asas. Kebanyakan sektor pekerjaan di negara ini dihentikan kecuali sektor yang melibatkan keselamatan, kesihatan, media dan sebagainya.

Pihak pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) turut akur dengan arahan kerajaan yang mana staf tidak dibenarkan bekerja atau masuk ke dalam kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar terpaksa ditangguhkan.

Keadaan ini amat menyukarkan semua pihak termasuk saya yang bekerja di Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Untuk makluman saya ditempatkan di Unit Pengurusan Sistem Maklumat dan Pengesahan Staf. Tugas saya membantu menyediakan data staf, kemaskini maklumat staf ke dalam sistem SMSM dan juga HRMIS, dan membantu menguruskan Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM.




Pengalaman sepanjang tempoh PKP adalah sebuah pengalaman yang asing bagi saya malah majoriti rakyat Malaysia juga. Kebiasaan ataupun rutin harian saya adalah memulakan hari dengan bekerja di pagi hari dan balik di petang hari. Disebabkan tidak dibenarkan untuk keluar rumah serta melakukan aktiviti sosial yang lain, kebanyakan masa saya adalah bersama dengan keluarga.

Kami melakukan pelbagai aktiviti antaranya mengemas rumah, menyediakan juadah, bermain alat muzik, menonton televisyen dan lain-lain. Apa yang menariknya resepi viral menjadi popular, menu yang menjadi pilihan rakyat Malaysia ialah Dalgona Coffee, Roti Puri, Sagu Gula Melaka dan bermacam-macam menu mudah. Saya juga telah berjaya membuat Kuih Cakoi, Kuih Tepung Pelita dan Sagu Gula Melaka yang mana sebelum ini tidak pernah terfikir untuk membuatnya sendiri. Kebanyakkan resepi mudah dicari dan dilihat cara pembuatannya kerana info hanya di hujung jari.



Selain daripada itu, pengalaman bekerja dari rumah atau *Work From Home* (WFH) merupakan inisiatif untuk mengurangkan lambakan kerja yang belum diuruskan. Perbincangan bersama unit sentiasa diadakan berkala di atas talian seperti *video call* menggunakan aplikasi *WhatsApp*.



Untuk tempoh PKP fasa II, staf dibenarkan bekerja tetapi dengan bersyarat iaitu perlu hadir dengan surat arahan bekerja dalam tempoh PKP bagi menyelesaikan kerja-kerja yang kritikal. Kehadiran saya ke pejabat biasanya akan menguruskan surat menyurat yang berkaitan, data & kemaskini maklumat dalam sistem. Untuk data, kebiasaanya saya akan *upload* dalam *Cloud File* supaya memudahkan saya mengakses maklumat atau data ketika WFH.

Kerajaan sentiasa mengingatkan rakyat supaya menjaga jarak sosial & sentiasa duduk di dalam rumah bagi membendung pandemik ini. Setiap hari wakil kerajaan melalui Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah akan memaklumkan maklumat secara tepat berkaitan kes COVID-19 di Malaysia. Negara luar sentiasa memandang tinggi kepada Malaysia dengan pengurusan sedemikian.

Kesimpulannya, pandemik ini merupakan ujian daripada Allah S.W.T kepada hambanya supaya sentiasa beringat atas kekuasaaNYA. Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya dan kita perlu berfikiran positif. Hikmah yang dapat dilihat ialah kita akan berfikir secara lebih kreatif dan inovatif apabila sumber-sumber yang sebelum ini mudah didapati semakin terhad. Di samping itu, hubungan kekeluargaan dapat dieratkan serta kita dapat meluangkan masa lebih kepada keluarga.

Akhir kata, kita sebagai rakyat Malaysia perlulah sentiasa peka dengan keadaan sekeliling supaya arahan kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar. Saya juga ingin berterima kasih kepada *frontliner* yang telah berkorban masa dan tenaga dalam membantu kerajaan dalam membendung pandemik ini. Andalah wira negara.



Penulis:
Mohamad Aszeri bin Ramli
Pembantu Tadbir
Bahagian Sumber Manusia



Kursus Penyediaan DOKUMEN PEROLEHAN SEBUT HARGA DAN TENDER

1 SASARAN

Gred 41 Ke Atas
&
Staf Akademik

2 TARIKH

17 - 18
Februari 2020

3 TEMPAT

Bilik Jamuan
VVIP
Dewan Canselor

4 PENCERAMAH

Puan Sabarina
binti Abdullah
Timbalan Bendahari
Kanan

HASIL PEMBELAJARAN

Mengetahui maksud serta penentuan kaedah perolehan sebut harga dan tender

Memahami kepentingan penyediaan spesifikasi yang tepat

Memahami secara terperinci keperluan dan perkara yang dilarang dalam penyediaan dokumen perolehan yang berkaitan





Kursus Pengurusan
SISTEM FAIL, PENGKELASAN PERKARA DAN PELUPUSAN REKOD



HASIL PEMBELAJARAN

Mengetahui pengurusan dan peraturan rekod kerajaan

Memahami kepentingan amalan dan prosedur rekod fail

Mengetahui cara pemeliharaan dan pelupusan rekod fail



1 SASARAN

Skim N 19 – 36

2 TARIKH

19 - 20 Februari 2020

3 TEMPAT

Bilik Jamuan VVIP
Dewan Canselor

4 PENCERAMAH

Encik Namsivayam Martin
Penolong Pengarah II
Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka





Kursus PROTOKOL, ETIKET DAN IMEJ PROFESIONAL

HASIL PEMBELAJARAN

Meningkatkan keterampilan dalam menaikkan reputasi organisasi

Dapat menerapkan nilai sosial dalam meningkatkan lagi kemahiran diri

Memberi pengetahuan dan kefahaman tentang teori dan amalan protokol

1

SASARAN

Pegawai Kanan Universiti dan Staf PPPC

2

TARIKH

9 Mac 2020

3

TEMPAT

Hotel Muzzaffar, Ayer Keroh Melaka

4

PENCERAMAH

Encik Mohd Hanafiah Bin Mokhtar
&
Encik Irwan Bin Mohamad

(Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa





Forum

Pekerja dan Cabaran Buddya Kerja Norma Baharu: BERSEDIAKAH PENTADBIR UNIVERSITI AWAM?

FORUM
Dewan Auditorium, Canselori
10 Julai 2020 (Jumaat)
3.00 petang

Saksikan LIVE
www.utem.edu.my

Ahli Forum:
EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM
EN. MASDZARIF BIN MAHAT
DR. MOHD FAUZI BIN KAMARUDIN

Moderator:
EN. MOHD. AZMI BIN MAT SAID

1 SASARAN

Kumpulan P&P/Terbuka

2 TARIKH

10 Julai 2020

3 TEMPAT

Auditorium Canselori, Bangunan Canselori

4 PANEL

Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi

Encik Mohd Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat

Dr. Mohd Fauzi bin Kamarudin, Dekan PBPI

HASIL PEMBELAJARAN

Kefahaman berkaitan tadbir urus dan sistem penyampaian pentadbiran semasa pandemik Covid - 19

Memberi kesedaran terhadap tindakan atau hukuman yang boleh dikenakan kepada pegawai yang tidak mematuhi peraturan dan garis panduan semasa penularan wabak Covid - 19



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

20 ULANG TAHUN

KURSUS ICT
SECARA DALAM TALIAN

23 Julai | 9.30 pg - 12.30 tengah hari

Microsoft Office 365 Apps

Pn Rafidah Kasim
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan



Secara Langs[illegible] Melalui Microsoft Te[illegible]s


1 SASARAN

Kumpulan P&P/Terbuka

2 TARIKH

10 Julai 2020

[illegible]NAAN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT PEJABAT PENDAFTAR DAN [illegible]DASAR DAN LATIHAN PPPK
[illegible]PN. NOORAZIANA / 06-270 1896 - EN. ZAMANI



PANEL


Puan Rafidah binti Kasim, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan


3

Kursus
MICROSOFT 365 APPS
SECARA DALAM TALIAN

HASIL PEMBELAJARAN

Mendapat pendedahan berkaitan aplikasi yang terdapat dalam Microsoft 365











Kursus
ONE SPIRIT, ONE VOICE AND ONE TEAM

HASIL PEMBELAJARAN

Membina karakter dan melonjakkan minda positif melalui penerapan resolusi Se-UTeM, nilai teras dan R.I.S.E

Menggarap perasaan sayangkan organisasi dan sedia berkhidmat dengan penuh ihsan serta adil

Mengeratkan jalinan ukhuwah antara staf disamping membina semangat kasih sayang sesama ahli





1 SASARAN

Pejabat Pengurusan Fasiliti & Pejabat Pengurusan Pembangunan

2 TARIKH

28 & 29 Julai 2020



3 TEMPAT

Dewan Canselor UTeM

4 PENCERAMAH

Dr. Amir bin Aris

FASILITATOR

Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Noor







Kursus PRA PERSARAAN UTeM

HASIL PEMBELAJARAN

Memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan dokumentasi persediaan persaraan

Pengetahuan berkaitan kemudahan yang diperolehi sebelum, semasa dan selepas persaraan

Memberi pendedahan berkaitan pengurusan graduiti, pencen, pengurusan kewangan serta isu pemotongan dalam graduiti serta GCR





SASARAN

Bakal Pesara Wajib dan pilihan

TARIKH

29 Julai 2020

TEMPAT

Dewan Auditorium Canselori

Aktiviti

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

20 ULANG TAHUN

KURSUS ICT
SECARA DALAM TALIAN

28 Julai | 9.30 pg - 12.30 tengah hari

Microsoft Word 2016 - How to Create Table Of Contents

Mazura Mustafa
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan



Secara Langsung Melalui Microsoft Teams

ANJURAN BERSAMA : UNIT LATIHAN DAN PENJANAAN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT PEJABAT PENDAFTAR DAN UNIT LATIHAN BAHAGIAN DASAR DAN LATIHAN PPPK
TELEFON : 06-270 1926 - PN. NOORAZIANA / 06-270 1896 - EN. ZAMANI

Kursus

MICROSOFT WORD 2016
- HOW TO CREATE TABLE OF CONTENT -
SECARA ATAS TALIAN

HASIL PEMBELAJARAN

Untuk memberi kefahaman dan kemahiran mengenai Microsoft Word dengan kaedah yang lebih mudah dan cepat

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Microsoft Word dengan versi yang terkini



Disediakan oleh:
Nooraziana binti Dahalan
Pembantu Tadbir Kanan
Bahagian Pembangunan Bakat

1 **SASARAN**
Gred 17 dan ke atas / terbuka

2 **TARIKH**
28 Julai 2020

3 **TEMPAT**
Dewan Canselor UTeM

4 **PENCERAMAH**
Puan Mazura binti Mustapa, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan